

Tukang karut Kijang Mas



Mohamad Suhaimi Che Darus (berdiri) mempersembahkan pantun dan seloka ketika menyertai acara di universiti.

➔ Selain pandai berpantun dan berseloka, Suhaimi terapkan elemen humor

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penyertaannya dalam dikir barat sejak berusia 14 tahun di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Beris Panchor, Kelantan sebagai awak-awak, membuatkan Mohamad Suhaimi Che Darus jatuh cinta terhadap aktiviti seni terbabit.

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, kecintaannya kepada seni persembahan tradisional berkenaan mendorongnya bergiat aktif pada peringkat universiti melalui pasukan dikir barat Kijang Mas UPM bagi mengembangkan bakat.

Mohamad Suhaimi berkata, pembabitan itu turut membantu dirinya memantapkan kemahiran bermain peralatan muzik rebana ibu, rebana anak, marakas, gong, canang dan tamborin yang dipelajari ketika di sekolah.

Beliau berkata, pada tahun pertama dan kedua pengajian, dia menjadi awak-awak sebelum diberi peluang memikul amanah menjadi tukang karut kepada pasukannya bagi menggantikan senior.



Katanya, peranan dimainkan awak-awak tidaklah susah kerana hanya mengikut sebutan dan lagu dilontarkan tok juara serta tukang karut yang berada di kedudukan depan barisan dengan gaya gerakan seperti ditetapkan.

“Tanggungjawab sebagai tukang karut pula cukup besar kerana saya menjadi orang hadapan yang membawa imej, menentukan prestasi setiap ahli dan memastikan kualiti persembahan pasukan.

Hiburan berinformasi

“Seorang tukang karut bukan hanya perlu pandai berpantun dan berseloka, tetapi juga menerapkan elemen humor supaya persembahan kelihatan kreatif

serta menarik perhatian penonton,” katanya ketika ditemui *BH Varsiti*, baru-baru ini.

Mohamad Suhaimi berkata, beliau pernah tersalah meletakkan rima pantun ketika melontarkan nyanyian pada satu acara, namun sebagai tukang karut, kesilapan itu perlu bijak disembunyikan dengan meneruskan persembahan seperti biasa supaya tidak ketara didengar penonton.

Beliau berkata, bagi memastikan pasukan Kijang Mas UPM menampilkan pengisian dikir barat yang menarik mengikut tema ditetapkan penganjur, rentak lagu dan trend minat semasa penonton, beliau mengambil masa kira-kira tiga jam bagi menyiapkan lirik pantun.



Mohamad Suhaimi Che Darus

- ➔ **Tarikh Lahir:** 16 Januari 1996
- ➔ **Tempat Lahir:** Bachok, Kelantan
- ➔ **Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, UPM
- ➔ **Kedudukan dalam keluarga:** Anak sulung daripada sembilan beradik
- ➔ **Hobi:** Bermain ragbi
- ➔ **Cita-cita:** Akauntan atau Ahli Ekonomi
- ➔ **Pencapaian:**
 - Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2019
 - Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2016
 - Program Twinkle Cat Academy 2016 di Jepun

Katanya, seni warisan masyarakat Melayu itu ialah hiburan berinformasi yang digemari ramai dan masih relevan sehingga kini dengan pembabitan generasi muda dalam dikir barat mampu memartabatkan serta memugarkan seni berkenaan.

“Dikir barat juga menonjolkan kecantikan kebudayaan masyarakat dari segi pantun, pakaian dan peralatan muzik dimainkan.

“Secara peribadi, pembabitan dalam dikir barat memberi peluang saya memperjuangkan seni khazanah negara, meningkatkan keyakinan berdepan penonton, membentuk kerjasama erat dengan ahli pasukan dan mengembangkan kemahiran diri,” katanya.

profil